

R B137 AAB
 MAHATHIR - PILIHAN RAYA
 OLEH ABDUL RAHMAN SULAIMAN
 (EMBARGO: UNTUK SIARAN SELEPAS 6 PETANG INI)

=====

J

KUALA LUMPUR, 28 DIS (BERNAMA) -- PERDANA MENTERI, DATUK SERI DR MAHATHIR MOHAMAD HARI INI BERKATA, BELIAU AKAN MENUNGGU MASA YANG PALING SESUAI UNTUK MENASIHATI YANG DI-PERTUAN AGONG MEMBUBARKAN PARLIMEN BAGI MEMBOLEHKAN PILIHAN RAYA UMUM DIADAKAN.

KATANYA, PERKARA TERPENTING YANG PERLU DILAKUKAN BAGI MANA-MANA PARTI YANG MEMERINTAH SEBELUM IA MEMBUAT KEPUTUSAN UNTUK MENDAPATKAN MANDAT BARU IALAH UNTUK MEMASTIKAN AGAR SEMUA ANGGOTA PARTI SUDAH BERSEDIA UNTUK MENGHADAPI PILIHAN RAYA.

+SEKIRANYA KITA HENDAK MENGEJUTKAN PIHAK PEMBANGKANG, KITA HARUSLAH BERSEDIA. JIKA TIDAK KITA SENDIRI AKAN TERKEJUT,+ KATANYA KETIKA MENGULAS PELBAGAI SPEKULASI BERSABIT PILIHAN RAYA UMUM YANG AKAN DATANG.

DALAM WAWANCARA AKHIR TAHUN DENGAN PARA EDITOR KANAN MEDIA TEMPATAN DI SINI BELIAU BERKATA, WALAUPUN TEMPOH KERAJAAN YANG MEMERINTAH AKAN BERAKHIR PADA OKTOBER 1991, BELIAU BELUM LAGI MEMBUAT KEPUTUSAN SAMA ADA UNTUK MENUNGGU SEHINGGA KE TARIKH TERSEBUT ATAU SEBALIKNYA.

KATANYA, BELIAU TIDAK MAHU MEMBUAT KEPUTUSAN UNTUK MENGADAKAN PILIHAN RAYA DAN TIBA-TIBA MENDAPATI BAHAWA PARTI BELUM LAGI BERSEDIA UNTUK MENGHADAPINYA MANAKALA PIHAK PEMBANGKANG PULA TELAH BERSIAP SEDIA. -- LAGI.

1543MST 28 12 89

D100

R B139 AAB
 MAHATHIR - PILIHAN RAYA 2 KUALA LUMPUR (EMBARGO)

JIKA INILAH YANG BERLAKU MAKA IA AKAN MERUPAKAN SATU MALAPETAKA KEPADA PARTI YANG MEMERINTAH, KATANYA.

KATANYA, ARAHAN BELIAU KEPADA PARTI SUPAYA BERSIAP SEDIA UNTUK MENGHADAPI PILIHAN RAYA TIDAK SEMESTINYA MENANDAKAN PILIHAN RAYA SUDAH HAMPIR.

+SEKIRANYA SAYA DAPAT BERTINDAK DENGAN BEGITU MUDAH MENENTUKAN BILAKAH PILIHAN RAYA AKAN DIADAKAN DAN UNTUK MENGUMUMKAN DALAM SATU JANGKA MASA SINGKAT SEBELUM PILIHAN RAYA DIADAKAN MAKA SAYA HARUSLAH BEGITU YAKIN BAHAWA PADA BILA-BILA SAHAJA PARTI BERSEDIA MENGHADAPINYA,+ KATA BELIAU.

MENGENAI BAGAIMANA BELIAU MELIHAT CABARAN SEMANGAT 46 PADA PILIHAN RAYA UMUM AKAN DATANG SEKIRANYA PERBALAHAN YANG ADA SEKARANG TIDAK DAPAT DISELESAIKAN MENJELANG TEMPOH ITU, BELIAU BERKATA, PARTI ITU TIDAK AKAN MEMENANGI PILIHAN RAYA TERSEBUT.

+ITULAH CORAKNYA. MEREKA TIDAK AKAN MEMENANGI PILIHAN RAYA ITU, SEMANGAT 46 TIDAK AKAN MEMENANGI PILIHAN RAYA TERSEBUT. MEREKA AKAN MENGAKIBATKAN PAS MEMENANGI PILIHAN RAYA ITU. DAN SUDAH PASTI JIKA MEREKA BEKERJASAMA DENGAN DAP MAKA DAP-LAH YANG AKAN MEMENANGI PILIHAN RAYA ITU,+ KATANYA.

PERDANA MENTERI YANG JUGA PRESIDEN UMNO BAGAIMANAPUN MENGAKUI BAHAWA KEADAAN SEBENARNYA TIDAKLAH BEGITU BURUK BAGI UMNO.

+SAYA FIKIR KITA AKAN MEMENANGI SEMULA KERUSI YANG KITA SEDIA PEROLEHI DI BANYAK NEGERI. BAGAIMANAPUN AKAN TERDAPAT BEBERAPA KERUSI YANG KEADAANNYA 50-50 DI MANA KITA AKAN KALAH,+ BELIAU MENAMBAH KATA. -- LAGI.

1555MST 28 12 89

D103

R B141 AAB
MAHATHIR - PILIHAN RAYA 3 KUALA LUMPUR (EMBARGO)

MENGENAI DIALOGNYA DENGAN PRESIDEN SEMANGAT 46, TENGGU RAZALEIGH HAMZAH MENGENAI PERPADUAN MELAYU, DATUK SERI DR MAHATHIR BERKATA, IA AMAT BERGUNA DAN BELIAU AKAN MENERUSKAN SESI DIALOG ITU SEKIRANYA TERDAPAT KEINGINAN UNTUK MENGADAKANNYA.

SEORANG PENEMURAMAH BERKATA BAHAWA RAKYAT MENGHARAPKAN LEBIH DARIPADA HANYA DIALOG DALAM ERTIKATA BAHAWA MEREKA YAKIN BAHAWA SESUATU YANG BAIK AKAN BERHASIL DARIPADA DIALOG-DIALOG YANG DIADAKAN ITU.

+SAYA TIDAK TAHU BAGAIMANA ORANG RAMAI MENDAPAT TANGGAPAN SEUMPAMA ITU. ADAKAH MEREKA MENJANGKAKAN BAHAWA UMNO AKAN DIBUBARKAN DENGAN SEJUMLAH 1.3 JUTA ANGGOTANYA YANG KUAT MENYOKONG?+ BELIAU BERTANYA.

+JANGAN BERCAKAP FASAL DIRI SAYA, SAYA JUGA TERTAKLUK KEPADA ORANG-ORANG BERKENAAN... SEKIRANYA SAYA MENGAMBIL JALAN SAYA SENDIRI, MEREKA TIDAK AKAN MENGIKUTI SAYA,+ TAMBAHNYA.

SEORANG PENEMURAMAH MENCELAH: +MEREKA TIDAK MAHU UMNO DIBUBARKAN. JIKA MEREKA TIDAK MAHU UMNO DIBUBARKAN BAGAIMANAKAH ANDA HENDAK MEMBERI TEMPAT KEPADA SEMANGAT 46?

PERDANA MENTERI MENJAWAB: +IA SEPATUTNYA NYATA KEPADA SETIAP ORANG. JADI MENGAPAKAH MEREKA MEMPUNYAI HARAPAN YANG BEGITU BESAR.

SATU SOALAN LAGI: +SEBENARNYA HARAPAN ITU IALAH 'BERSABIT DENGAN 46... BAGI 46 DIBUBARKAN DAN MEMASUKI SEMULA UMNO. ITULAH HARAPAN AMNYA. MEMANDANGKAN MEREKA TELAH MENYATAKAN BAHAWA MEREKA TIDAK AKAN BERBUAT DEMIKIAN... JADI DATUK SERI AKAN MENERUSKAN MENGADAKAN DIALOG DENGAN MEREKA?+

+SEKIRANYA ADA KEINGINAN UNTUK MENGADAKAN DIALOG, KITA AKAN ADAKAN DIALOG,+ KATANYA. -- BERNAMA.

1607MST 28 12 89